



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

OKTOBER 2025

EDISI 15

BULETIN APB

L I F E L O N G L E A R N I N G

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Bahasa Arab sebagai Aneka Pembelajaran Sepanjang Hayat

NUR AINI ARIFFIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan suatu keperluan dalam hidup manusia. Ia tidak hanya terbatas kepada pendidikan formal di sekolah atau universiti, tetapi juga merangkumi usaha berterusan untuk menimba ilmu dalam pelbagai ruang kehidupan. Dalam dunia yang sentiasa berubah, ilmu harus sentiasa diperbaharui. Hakikat ini telah lama disedari oleh para ulama terdahulu, termasuk Imām al-Shāfiʿī, yang menekankan bahawa proses menuntut ilmu tidak akan pernah selesai. Enam Elemen Pembelajaran Sepanjang Hayat

Dalam Dīwān al-Imām al-Shāfiʿī, beliau merumuskan enam elemen penting dalam proses menuntut ilmu yang menjadi asas kepada proses pembelajaran sepanjang hayat (Muhammad Idrīs al-Shāfiʿī, 1984):

أخي لن تنال العلم إلا بسِتَّة * سَأْنِيكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بَيَان
ذِكَاءً، وَحِرْصً، وَاجْتِهَادً، وَبُلْغَةً * وَصُحْبَةً أَسْتَاذٍ، وَطَوْلَ زَمَانٍ

"Saudaraku, kamu tidak akan sesekali memperoleh ilmu kecuali dengan enam perkara ini, akan kuberitahu kepadamu secara terperinci: kebijaksanaan, keinginan yang tinggi, bersungguh-sungguh, berkemampuan, bersahabat dengan guru dan sepanjang masa!"

Pesan Imām al-Shāfiʿī, seorang penuntut ilmu mesti memiliki enam ciri ini agar proses belajar dapat diteruskan sepanjang hayat. Mari kita teliti satu persatu.

1. **Kebijaksanaan (ذِكَاء):** Minda yang tajam dan akal yang cerdas diperlukan untuk memahami konsep yang kompleks dan mengingat maklumat dengan berkesan.
2. **Keinginan yang tinggi (حِرْص):** Keinginan yang kuat, semangat membara dan sikap teliti dalam menuntut ilmu penting agar seseorang terus bermotivasi serta tidak cepat berpuas hati, sebaliknya gigih mendalami pengetahuan.
3. **Bersungguh-sungguh (اجْتِهَاد):** Ilmu tidak akan datang tanpa usaha berterusan. Penguasaan sesuatu bidang serta pencapaian tahap kepakaran menuntut konsistensi, ketekunan dan kesabaran.
4. **Berkemampuan (بُلْغَة):** Masa, tenaga, kewangan dan bahan rujukan yang mencukupi menjadi bekalan penting supaya proses menuntut ilmu berjalan lancar.
5. **Bersahabat dengan guru (صُحْبَة أَسْتَاذ):** Menuntut ilmu memerlukan bimbingan guru berpengalaman yang memberi tunjuk ajar, membetulkan kesilapan dan menjadi teladan agar ilmu difahami dengan benar serta berkat.
6. **Sepanjang masa (طَوْل زَمَان):** Inilah intipati pembelajaran sepanjang hayat. Menuntut ilmu bukan untuk sekejap, tetapi sepanjang usia. Kadang-kadang cepat, kadang-kadang perlahan, namun prosesnya tidak pernah terhenti.



Kesimpulannya, dengan mengamalkan keenam-enam elemen ini, proses pembelajaran akan terus berkembang seiring dengan perubahan dunia dan ilmu yang tidak bertepi.

Bahasa Arab: Lautan Yang Tidak Pernah Habis

Selepas memahami keenam-enam elemen di atas, nyata bahawa perjalanan ilmu memerlukan kesabaran dan masa yang panjang. Hal ini dapat dilihat apabila kita menekuni bahasa Arab. Bahasa ini sering diumpamakan sebagai lautan yang luas, sebagaimana digambarkan oleh Hāfiz Ibrāhīm (n.d.) dalam bait syairnya:

أَنَا الْبَحْرُ فِي أَحْشَائِهِ الدُّرُّ كَامِنٌ * فَهَلْ سَأَلُوا الْغَوَاصَّ عَنْ صَدَفَاتِي

"Akulah lautan, di dalam perutku tersembunyi mutiara. Adakah mereka pernah bertanya kepada penyelam tentang kulit-kulit kerangku?"

Betapa dalam makna yang ingin disampaikan dalam bait syair ini; bahasa Arab ialah lautan, dan kita hanyalah penyelam yang sabar mencari mutiara di dasarnya. Mutiara itu tidak muncul dengan sekali percubaan. Ia hanya dapat ditemui oleh mereka yang berulang kali menyelam, mencatat dan terus belajar tanpa putus asa. Dalam setiap selaman, kita menemui khazanah baharu: mutiara berupa mufradāt (kosa kata), karang keras berupa nahw dan sarf (tatabahasa dan morfologi) serta ikan berwarna-warni berupa ungkapan indah dalam syair dan pepatah Arab. Inilah hakikat pembelajaran sepanjang hayat; usaha yang berterusan, penuh cabaran, namun mendatangkan hasil yang tidak ternilai.

Satu amalan kecil tetapi bermakna yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat dalam bahasa Arab adalah mencatat mufradāt baharu secara konsisten dalam mudhakkiratt (buku catatan). Amalan menulis menguatkan ingatan, memudahkan rujukan dan membina khazanah peribadi sepanjang perjalanan pembelajaran. Penulis masih menyimpan buku nota lama sejak zaman sekolah, dipenuhi perkataan baharu dan jarang didengar, peribahasa indah serta kosa kata klasik. Daripada satu mufradāt hari ini, akan bertambah menjadi dua pada keesokan hari dan beberapa lagi pada lusa, buku kecil itu berkembang menjadi "lautan mini" yang penuh khazanah bahasa.

Selain itu, peluang mempelajari bahasa Arab sebenarnya hadir dalam rutin harian kita. Penonton, misalnya, boleh mengikuti berita Glob Alhijrah Arab di TV Alhijrah setiap Jumaat jam 8:45 malam, lengkap dengan segmen perkataan pilihan beserta terjemahan. Pendengar pula boleh menajamkan telinga dengan rancangan Hayya Bil Arabia di IKIMfm, setiap Isnin hingga Jumaat jam 4:45 petang, sambil menambah kosa kata baharu secara santai. Ditambah dengan akses digital dan interaksi sosial, bahasa Arab kini benar-benar berada di hujung jari, mudah, terbuka dan sentiasa seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat.

Kesimpulannya, tiada tarikh luput dalam menuntut ilmu. Belajar ialah tugas sepanjang hayat, yang menuntut dedikasi serta usaha berterusan, tidak terkecuali pembelajaran bahasa Arab. Berbekalkan istiqamah, setiap usaha kecil hari ini akan membuahkan hasil besar pada masa depan. Maka, marilah kita terus menjadikan bahasa Arab sebagai amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Rujukan

Hāfiz Ibrāhīm. (n.d.). *Raja'tu linafsi fattahamtu hasātī*. <https://www.aldiwan.net/poem10924.html>

Muhammad Idrīs al-Shāfi'. (1984). *Dīwān al-Imām al-Shāfi'*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.